



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

RABU
22 April 2026



Data belia tidak bekerja dikumpulkan

Oleh **NUR AIMI HAZIRAH**

hazirah.hizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan akan melaksanakan pengumpulan data secara menyeluruh bagi golongan belia yang tidak bekerja, tidak melanjutkan pelajaran dan tidak mengikuti sebarang latihan kemahiran (NEET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah tersebut bertujuan mengenal pasti secara lebih tepat kumpulan belia yang berada di luar sistem pekerjaan dan pendidikan bagi membolehkan intervensi berseuaian dilaksanakan.

Katanya, usaha itu akan digerakkan melalui kerjasama pelbagai kementerian, jabatan serta agensi berkaitan bagi memastikan data yang diperoleh sentiasa dikemas kini dan digunakan dalam merangka program pembangunan belia secara lebih berkesan.

"Ia bagi membincangkan dasar pembangunan belia secara inklusif, bersepadu dan berimpak tinggi, selaras komitmen kerajaan dalam memperkasa generasi muda sebagai pemacu transformasi masa hadapan negara.

"Pelaksanaan pengumpulan data profil belia *Not in Employment, Education or Training* (NEET) dan inisiatif pembangunan bersepadu oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia bertujuan memperkukuh ekosistem pembangunan belia yang inklusif," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia



AHMAD Zahid Hamidi ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia Ke-7 di Putrajaya, semalam.

Ke-7 di Putrajaya semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan hampir sejuta belia dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun berada di luar arus pendidikan dan pasaran buruh pada setiap tahun.

Survei Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan, peratusan belia kategori NEET mencatatkan 10.2 peratus pada 2022 dan meningkat kepada 10.5 peratus 2023 namun menurun 8.7 peratus, tahun berikutnya.

Kadar antara lapan hingga 10 peratus itu bersamaan ratusan ribu individu malah boleh mencecah hampir sejuta belia jika mengambil kira saiz populasi belia sekitar lapan hingga sembilan juta orang bagi tempoh 2022 hingga 2024.

Ahmad Zahid berkata, mesyuarat berkenaan turut membincangkan beberapa program termasuk usaha memperluas penyertaan belia dalam demokrasi serta memperkasa peranan sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Jelajah Kuasa Orang Muda (KOM) akan dilaksanakan dengan penglibatan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia," katanya.

Menurut Ahmad Zahid, kerajaan komited memastikan agenda pembangunan belia dilaksanakan secara menyeluruh bagi melahirkan generasi muda yang berdaya tahan, berintegriti serta mampu menyumbang kepada kemajuan negara.

KESUMA tegaskan sebarang dakwaan bahawa keputusan telah dimuktamadkan adalah tidak benar

Oleh DIANA AZISDIANA AZIS & AISYAH BASARUDDIN

SHAH ALAM - Cadangan pelaksanaan sistem pengambilan pekerja asing secara langsung menerusi platform digital masih di peringkat penelitian dan belum dimuktamadkan.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berkata, terdapat pelbagai laporan serta tafsiran berbeza yang menimbulkan kekeliruan, termasuk gambaran seolah-olah keputusan telah dibuat.

Menurut kementerian itu, sebarang dakwaan bahawa keputusan telah dimuktamadkan adalah tidak benar dan tidak mencerminkan kedudukan sebenar kerajaan. "KESUMA telah mengkaji keseluruhan ekosistem pekerja asing dan mendapati terdapat kelemahan dalam komponen perekrutan pekerja di negara sumber khususnya ikatan hutang yang ditanggung oleh pekerja asing.

"Sehubungan itu, kementerian sedang meneroka keperluan untuk membangunkan platform digital berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi menambah baik ekosistem pengambilan pekerja asing secara menyeluruh.

"Pendekatan ini membolehkan pengambilan secara langsung oleh majikan berdasarkan keperluan

sebenar tenaga kerja merangkumi keseluruhan proses di negara sumber termasuk pendaftaran, pemilihan, padanan pekerjaan, persetujuan kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja serta fasilitasi penghantaran pekerja," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

KESUMA juga menjelaskan, kos perekrutan juga akan ditanggung sepenuhnya oleh majikan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah dan memastikan tiada beban kewangan dikenakan kepada pekerja asing.

Menurutnya, cadangan itu selaras prinsip pengambilan pekerja yang adil dan beretika seperti digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), selain berpotensi menangani isu penderagangan orang dan buruh paksa.

"Ia juga dilihat mampu menyokong usaha Malaysia mencapai penarafan Tier 1 dalam laporan Pemeridagaan Orang oleh Amerika Syarikat.

"Cadangan ini akan hanya tertumpu kepada proses perekrutan pekerja asing di negara sumber sahaja, di peringkat proses pasca-kelulusan kuota dan tidak mengganggu apa-apa proses pra-perekrutan sedia ada," ujarnya.

Sistem tersebut menurutnya,

Cadangan sistem baharu masih diteliti



KESUMA sedang meneroka keperluan membangunkan platform digital berasaskan AI bagi menambah baik ekosistem pengambilan pekerja asing secara menyeluruh.

akan diintegrasikan dengan platform kerajaan sedia ada seperti Foreign Workers Centralised Management System (FWCMS) dan National Integrated Immigration System (NIIS).

KESUMA turut memaklumkan, sesi libat urus awal sedang dijalankan bersama negara sumber tenaga kerja seperti Bangladesh, Indonesia dan India selain pemain industri serta penyedia teknologi berkaitan.

"Sebarang keputusan kelak akan melalui proses pertimbangan serta kelulusan Kabinet selepas libat urus menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan.

"KESUMA kekal komited memperkukuh pembangunan bakat tempatan sebagai teras utama reformasi pasaran buruh negara selaras agenda jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)," jelasnya.

Pada Isnin, sembilan Ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) memandang serius laporan media dan reaksi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan berhubung cadangan Kesuma melaksanakan satu sistem baharu dibangunkan oleh Bestinet Sdn Bhd (Bestinet) yang dinamakan The Universal Recruitment Advanced

Platform (TURAP).

Kenyataan tersebut dikeluarkan secara bersama oleh, Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Rafizi Ramli; Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad; Ahli Parlimen Subang, Wong Chen; Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chean Chung dan Ahli Parlimen Ampang, Rodziah Ismail.

Empat lagi ialah Ahli Parlimen Wangsa Maju, Ir TS Zahir Hassan; Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim dan Ahli Parlimen Sungai Siput, S Kesavan.

Rafizi mendakwa, Ramanan bukan sahaja mengesahkan cadangan TURAP sedang dipertimbangkan, tetapi juga mempertahankan rekod Bestinet yang mengendalikan sistem sedia ada iaitu FWCMS.

Dakwanya lagi, pendirian Ramanan bertentangan dengan penemuan dan keputusan dibuat badan-badan semakimbang yang meneliti FWCMS.

Antaranya, menurut Rafizi, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara yang menjadi semakimbang kerajaan bersidang sebanyak lapan kali dalam tempoh Disember 2023 hingga Februari 2025 untuk meneliti perihal FWCMS dan Bestinet.

Rafizi menambah, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 juga menemukan perincian penting antaranya keseluruhan pengurusan FWCMS diklasifikasikan sebagai 'tidak memuaskan'.

Bukan itu sahaja, dakwa bekas Menteri Ekonomi tersebut, FWCMS digunakan untuk pengambilan pekerja asing dari Bangladesh sahaja sedangkan terdapat 15 negara sumber tenaga asing secara keseluruhannya.

Atas dasar itu, Rafizi berpendapat bahawa kenyataan Ramanan memberi gambaran seolah-olah prestasi Bestinet dan FWCMS adalah baik, bertentangan dengan prinsip tata kelola yang diulang-ulang Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Justeru, Rafizi bersama lapan lagi Ahli Parlimen PKR berpandangan keras bahawa tiada keperluan untuk memperkenalkan satu lagi sistem baharu memandangkan kerajaan sepatutnya menggunakan NIISe yang dilaporkan menelan belanja lebih RM1 bilion dan dijangka beroperasi pada 2028.

Pada hemat mereka, sistem dan perkhidmatan penting kerajaan berkaitan keselamatan negara serta pekerja asing tidak boleh di-swastakan melalui kaedah usaha sama awam swasta sepertimana dicadangkan melalui TURAP.

'KDN beri pandangan jika dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri'

PUTRAJAYA - Kementerian Dalam Negeri (KDN) menegaskan pihaknya hanya akan mengulas sistem baharu pengambilan pekerja asing dikenali sebagai The Universal Recruitment Advanced Platform (TURAP) sekiranya perkara itu dibawa dan dibentangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, KDN ketika ini masih belum membuat sebarang keputusan berhubung cadangan pelaksanaan sistem baharu berkenaan.

"Apabila hal itu dibawa dalam (mesyuarat) Jemaah Menteri, KDN akan bagi pandangan pada ketika itu," katanya pada Selasa.

Belliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis pemeteraian kontrak perolehan Kapal Misi Pelbagai Guna (MPMS) kedua untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Laksana intervensi awal lindungi pasaran buruh

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menggerakkan langkah intervensi awal bagi memperkukuh ketahanan pasaran buruh negara susulan kebimbangan terhadap kesan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing di Asia Barat.

Menterinya, Datuk Seri R Ramanan berkata, walaupun tiada pembuktian impak secara langsung setakat ini, laporan mengenai lebih 5,000 rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan pada bulan lalu adalah sesuatu yang serius dan tidak boleh dipandang enteng.

Beliau menegaskan, kestabilan sosioekonomi rakyat perlu terus dipertahankan menerusi penawaran peluang pekerjaan berkualiti tinggi atau 'premium', selain merancang aspek mobiliti tenaga kerja bagi mendepani cabaran semasa.

Menurutnya, statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menunjukkan peningkatan permohonan faedah kehilangan pekerjaan sebanyak 18.3 peratus bagi suku pertama tahun ini, membabitkan 14,194 permohonan berbanding 11,994 pada suku keempat 2025.

"Melihat kepada trend kenaikan permohonan ini khususnya di Selangor dan Kuala Lumpur, intervensi awal perlu digerakkan segera bagi menampikan sebarang kemungkinan ekoran situasi di Asia Barat yang boleh menjejaskan rakyat," katanya dalam kenyataan semalam.



RAMANAN

Sehubungan itu, KESUMA menerusi PERKESO akan menganjurkan Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 selama dua hari bermula 25 April ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan sasaran lebih 10,000 pencari kerja.

Karnival itu bakal menghimpunkan 100 majikan ternama yang menawarkan 10,000 peluang pekerjaan dengan tawaran gaji kompetitif antara RM3,000 dan RM15,000 mengikut kelayakan.

Antara majikan besar yang mengambil bahagian termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta lima bank utama negara.

Ramanan berkata, sektor pengangkutan dan logistik kini paling terkesan akibat pengecilan tenaga kerja dan Skim Pemisahan Sukarela (VSS) berikutan gangguan rantaian bekalan dunia yang meningkatkan kos operasi industri.

"Kementerian bimbang majikan akan mengambil jalan mudah dengan menamatkan perkhidmatan pekerja demi mengurangkan kos," katanya.